

09/05/2002

Muktamar jadikan Malaysia contoh tangani pelampau

reports on "Muktamar Menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam 2002" by Mona Ahmad;
Tuan Nazuri Tuan Ismail

KUALA LUMPUR, Rabu - Muktamar Ketujuh Menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam yang berakhir hari ini, membuat ketetapan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara contoh dalam menangani isu pelampau.

Ini kerana Malaysia diakui mempunyai dasar menyeluruh bagi menghadapi isu berkenaan, termasuk menekankan ajaran Islam dalam semua aspek kehidupan dan pendidikan.

Ketetapan itu adalah antara 12 perkara yang diputuskan dalam muktamar tiga hari di sini sejak Isnin lalu, yang disertai 250 delegasi dari 42 negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, yang bertindak sebagai pengerusi muktamar itu, berkata perwakilan juga membuat ketetapan mengiktiraf ucapnama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai dokumen rasmi persidangan itu.

Dalam ucaptamanya yang disampaikan semalam, Perdana Menteri antara lain meminta umat Islam tidak menyalahkan orang lain dan Islam sendiri di atas kemunduran dan masalah yang mereka hadapi sekarang.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga meminta umat Islam memperkukuh kedudukan ekonomi yang menurutnya amat penting bagi membangunkan syiar agama dan ummah.

Abdul Hamid berkata, ketetapan 12 perkara itu turut merangkumi rancangan menyediakan pendakwah yang menguasai pelbagai bidang ilmu dalam usaha menyebarkan syiar Islam dan cadangan penubuhan Yayasan Warisan Islam Antarabangsa yang berfungsi menghidupkan warisan Islam.

Selain itu, muktamar bersetuju memperkenalkan Islam dalam pelbagai bahasa untuk dimanfaatkan negara anggota, menyebarkan dakwah melalui Internet dan memperluaskan terjemahan al-Quran dalam pelbagai bahasa.

Beliau berkata, muktamar juga membuat ketetapan supaya negara Islam yang tidak mempunyai yayasan zakat dan takaful, menubuhkannya.

"Mana-mana negara Islam yang mempunyai cadangan dan pandangan mengenai tajuk berkaitan agenda persidangan boleh menyerahkan kepada Majlis Eksekutif muktamar ini untuk dikaji dan dibentangkan pada persidangan akan datang.

"Muktamar juga mengucapkan terima kasih kepada Raja Arab Saudi, al Malik Fahd Abdul Aziz atas keprihatinan beliau terhadap isu Islam.

"Selain itu, perwakilan mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir kerana layanan yang diberikan kepada perwakilan," katanya.

Abdul Hamid berkata, resolusi muktamar itu turut menyentuh tiga perkara, iaitu berdakwah berpandukan cara Rasulullah dalam usaha menghadapi propaganda yang mampu menggugat akidah dan menangani isu semasa seperti keganasan, globalisasi dan hak asasi manusia.

Selain itu, muktamar turut mendesak pertubuhan hak asasi manusia untuk berhenti menolak hukum syarak yang berkaitan hudud dan undang-undang dengan menganggap ia adalah hak umat Islam untuk melaksanakannya.

(END)